

**SOALAN LAZIM (FAQ)****1. Apakah Program Sekolah Tanpa Tunai BSN ?**

Program Sekolah Tanpa Tunai BSN adalah program yang membolehkan pelajar, guru dan kakitangan sekolah membuat pembayaran tanpa tunai menggunakan Kad Debit VISA BSN terutamanya di kafeteria sekolah, koperasi / kedai buku. Pembayaran tanpa tunai boleh dilakukan melalui Terminal Jualan *Point-of-Sale* (POS) BSN Merchant serta mana-mana Terminal POS oleh mana-mana peniaga yang menerima Kad Debit BSN Visa.

**2. Di manakah Program Sekolah Tanpa Tunai BSN akan dilaksanakan?**

Program ini dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah di Malaysia. Senarai sekolah yang mengambil bahagian akan dikemaskini dari semasa ke semasa dan dipaparkan di laman web BSN [www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my) .

**3. Apakah manfaat Program Sekolah Tanpa Tunai BSN?**

- i) Simpanan yang selamat dan terjamin
- ii) Meningkatkan penjejakan belanjawan & perbelanjaan
- iii) Masa transaksi yang lebih pantas
- iv) Memupuk persekitaran tanpa tunai di sekolah
- v) Mendidik individu yang celik perbankan digital – pelajar, guru dan kakitangan sekolah
- vi) Pelajar secara automatik menjadi ahli BSN Skim Galakan Simpanan Pelajar (SGSP). Klik di sini untuk maklumat lanjut mengenai SGSP (pautan ke halaman SGSP di bsn.com.my) atau klik di sini untuk maklumat lanjut mengenai BSJ, (pautan ke halaman BSJ di bsn.com.my)

**4. Apakah dokumen yang diperlukan untuk menyertai Program ini?**

- i) MyKad (NRIC asal).
- ii) Deposit minimum sebanyak RM50.00 untuk membuka Akaun Simpanan BSN Giro-i.
- iii) Borang Pembukaan Akaun (CIS-01) (*Hanya terpakai kepada pembukaan akaun di sekolah*)

**5. Adakah terdapat sebarang yuran untuk menyertai Program ini?**

Tiada bayaran dikenakan untuk menyertai Program ini. Caj hanya dikenakan untuk pengeluaran Kad Debit dan juga yuran tahunan.

**6. Bagaimana saya boleh membuat pembayaran menggunakan Kad Debit BSN Visa Tanpa Tunai?**

- i. Cari logo *contactless* Visa PayWave/MyDebit di kedai runcit yang mengambil bahagian.
- ii. Untuk melengkapkan pembelian di juruwang, hanya sentuh Kad Debit BSN Visa anda di permukaan pembaca Terminal POS yang ditetapkan apabila diminta. Alikan kad anda sebaik sahaja anda mendengar bunyi "bip".
- iii. Transaksi yang diluluskan seperti yang ditunjukkan di terminal POS dianggap berjaya dan resit transaksi akan dikeluarkan kepada anda sebagai bukti pembelian.

\*Nota: Sekiranya mesej di terminal POS menunjukkan 'declined', pembelian anda dianggap tidak berjaya.

**7. Berapakah had pembelian harian bagi Kad Debit Visa Tanpa Tunai?**

Had pembelian harian yang ditetapkan adalah RM1,000. Namun, had maksima bagi pembelian harian adalah RM10,000.

**8. Bagaimanakah saya boleh menukar had pembelian harian untuk Kad Debit Visa BSN Tanpa Tunai?**

Anda boleh menukar had pembelian harian melalui mana-mana medium seperti di bawah:-

**i. BSN ATM**

- a. Masukkan kad debit dalam mesin ATM
- b. Pilih Bahasa
- c. Masukkan nombor pin ATM anda
- d. Pilih 'Tukar pin/Lain-lain'
- e. Pilih 'Penyelenggaraan'
- f. Pilih 'Tukar Had Pembelian'
- g. Masukkan had pembelian harian baharu  
*Urus niaga selesai*

**ii. Cawangan ATM**

Hanya kunjungi mana-mana Cawangan BSN untuk menukar had pembelian harian.

**iii. myBSN\***

**Pengguna Kali Pertama**

- a. Klik "Daftar" di sudut kanan bahagian atas laman utama BSN.  
*Selepas pendaftaran berjaya, teruskan ke langkah (ii) di bawah.*

**Pengguna myBSN sedia ada**

- a. Log masuk ke myBSN.
- b. Pilih "Manage Account" dan klik "Debit Card".
- c. Pilih "Update Purchase Limit", pilih "Debit Card" dan klik "Next".
- d. Masukkan "New purchase limit" & klik "Next".

- e. Klik "Request TAC" (TAC anda akan dihantar ke nombor telefon bimbit yang telah didaftarkan dengan BSN)
- f. Masukkan TAC dan klik "Next".

*Anda akan menerima mesej setelah kemas kini Had Pembelian anda berjaya.*

- a. Masukkan Kad Debit BSN Visa anda
- b. Pilih "TUKAR PIN / LAIN-LAIN"
- c. Pilih "PENYELENGGARAAN"
- d. Pilih "UBAH HAD PEMBELIAN"
- e. Tetapkan had pembelian anda

*Nota: Had pembelian harian yang ditetapkan ialah RM3,000 (penetapan maksimum adalah sehingga RM10,000)*

**9. Adakah Kad Debit Visa BSN yang dikeluarkan di bawah Program ini boleh digunakan di peniaga lain di luar sekolah?**

Ya, Kad Debit BSN Visa boleh digunakan di semua peniaga yang menerima pembayaran kad Visa.

**10. Bagaimana Pemegang Kad Debit VISA BSN boleh menyemak baki akaun mereka?**

Pemegang Kad Debit Visa BSN boleh menyemak baki akaun mereka di mana-mana BSN ATM atau melalui perbankan dalam talian myBSN\*.

**11. Bagaimana ibu bapa dapat mengesan transaksi kad debit anak-anak mereka?**

Ibu bapa boleh menjelaki transaksi kad debit anak-anak mereka melalui mana-mana kaunter cawangan BSN atau melalui penyata mini di ATM BSN.

**12. Adakah pembayaran tanpa tunai dijamin.?**

Ya, sistem pembayaran tanpa tunai BSN melaksanakan pelbagai langkah keselamatan untuk melindungi anda dan simpanan anda.

- **EMV Smart Chip:** Teknologi Cip Pintar EMV sedia ada digunakan untuk keselamatan yang lebih tinggi.
- **Penggunaan Visa payWave/ MyDebit Tanpa Sentuh:** Hanya imbas untuk pembayaran yang cepat, mudah dan selamat di mana - mana sahaja yang terdapat logo Visa payWave atau MyDebit.
- **Had Pembelian Harian yang telah ditetapkan:** Had Pembelian Harian bagi Ahli Kad Debit BSN Visa telah ditetapkan pada RM3,000 bagi Akaun Dewasa dan RM1,000 bagi Akaun Junior. Anda boleh menukar ketetapan amaun ini di laman web myBSN, mana-mana ATM BSN atau hadir di kaunter Cawangan BSN.
- **Contactless Payment Limit:** Setiap transaksi tanpa sentuh dihadkan kepada RM250 dan jumlah transaksi terkumpul adalah terhad kepada maksimum RM2,500 dan tertakluk

kepada Had Pembelian Harian. Anda boleh mengurangkan had ini atau membatalkan fungsi pembayaran tanpa sentuh di mana-mana Cawangan BSN.

- **Isyarat SMS:** Makluman transaksi melalui SMS akan dihantar ke nombor telefon mudah alih anda yang berdaftar bagi transaksi tertentu menggunakan kad.
- **Pembelian dalam talian:** Bagi pembayaran untuk pembelian dalam talian, kod BOSS (*BSN Online Secured Shopping*) akan dihantar ke nombor telefon bimbit anda yang berdaftar dengan BSN melalui SMS untuk diisi dan seterusnya melengkapkan transaksi dengan selamat.

**13. Bagaimana privasi dikekalkan untuk Kad Debit Tanpa Tunai?**

Sebarang maklumat yang dikongsi antara pelanggan dan bank berlaku dalam keperluan undang-undang privasi. Bank hanya menggunakan data mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

**14. Bolehkah saya memberikan Kad Debit VISA BSN saya kepada orang lain untuk digunakan?**

Tidak. Anda tidak boleh memberi dan membenarkan sesiapa sahaja menggunakan Kad Debit anda. Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya Kad Debit digunakan oleh sesiapa sahaja yang mempunyai atau tanpa kebenaran anda.

**15. Apa yang perlu saya lakukan sekiranya Kad Debit BSN Visa saya hilang atau dicuri?**

Sila laporkan kad anda yang hilang atau dicuri dengan segera ke saluran berikut:

- i. Hubungi Khidmat Pelanggan BSN di 1300-88-1900 (Malaysia) atau 603 2613 1900 (Luar Negara).
- ii. Kunjungi mana-mana cawangan BSN dan buat laporan.

**16. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut berkaitan Program Tanpa Tunai BSN?**

Anda boleh mendapatkan maklumat lanjut melalui saluran-saluran berikut:-

- i. Laman Web BSN <https://www.bsn.com.my/>
- ii. Pusat Kad BSN
- iii. Mana-mana cawangan BSN
- iv. Khidmat Pelanggan di **1300-88-1900** (Malaysia) atau **603 2613 1900** (Luar Negara)

**17. Sekolah saya bukan sekolah tanpa tunai, bagaimanakah cara untuk untuk menyertai Program ini?**

Untuk menyertai Program, sila e-mel ke [celikkewangan@bsn.com.my](mailto:celikkewangan@bsn.com.my) untuk pertanyaan lanjut.

*\*Akses kepada myBSN untuk berumur 18 tahun dan ke bawah dijangka akan bermula pada Julai 2022 atau sehingga diberitahu kelak*